
RADIO DAN PERKEMBANGAN KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA DI BRUNEI

Salwana Dahlan

Universiti Brunei Darussalam, Brunei

syarfa.dm@gmail.com

ABSTRACT

RADIO AND THE DEVELOPMENT OF MALAY ISLAMIC MONARCHY IN BRUNEI

Malay Islamic Monarchy (MIB) is a concept of philosophy that belongs to Brunei Darussalam, practiced by all levels of society whether in the state affairs or everyday life. MIB was officially proclaimed as a nation's philosophy in 1984. MIB is defined as the national philosophy which holds three essential elements or integral components, Malay, Islam, and Monarchy. Hence, this study was conducted to identify the extent and how the concept of MIB in Brunei's radio broadcasts is being disseminated from the perspectives of Bruneians. As a result, it is shown that the MIB values are there being implemented and disseminated to the society through radio broadcasts. The dissemination consists of various aspects that are aligned with MIB which are Malay values, Islamic values, monarchial and statehood aspects, knowledge enhancement, and kinship.

Keywords: *Melayu Islam Beraja, Radio, Philosophy, Brunei*

PENGENALAN

Konsep Melayu Islam Beraja (MIB) diisytiharkan secara rasmi sebagai falsafah negara bagi negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984 (Duraman Tuah, 2001). Namun, menurut Yusoff Ismail (2013) konsep MIB bukan sesuatu yang baru wujud selepas kemerdekaan negara pada 1 Januari 1984. Manifestasi ini telah wujud sejak 651 tahun yang lalu (Muhammad Hadi, 2020). Malah, Asbol Mail et.al (2019) menyatakan, konsep MIB telah bermula di Brunei sebelum tahun 1906.

Manifestasi MIB diperkenalkan sejak kedatangan agama Islam ke Brunei, iaitu sekitar abad ke-14 (Mahayudin Yahaya, 2014). Namun, istilah 'MIB' hanya mula diisytiharkan pada tahun 1984. Sebelum kemerdekaan, manifestasi MIB ini dikenali sebagai Kesultanan Melayu Islam. Manifestasi ini menurut tokoh-tokoh sejarah bermula daripada pengislaman Awang Alak Betatar, iaitu Sultan Brunei yang pertama yang memerintah dari tahun 1363 sehingga 1402. Setelah menganuti agama Islam, Awang Alak Betatar menukar namanya kepada Sultan Muhammad Shah (Yusoff Ismail, 2013; Asbol Mail et.al, 2019). Agama Islam kemudian terus berkembang dengan pesat di Brunei pada zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali, iaitu Sultan

Brunei ketiga yang memerintah dari tahun 1425 sehingga 1432 (Mahayudin Yahaya, 2014). Sultan Sharif Ali merupakan seorang ulama Islam yang berasal dari Taif, Arab Saudi dan berasal keturunan Nabi Muhammad SAW (Yusoff Ismail, 2013).

Antara bukti kewujudan MIB sebelum pengisytiharan rasmi sebagai falsafah negara pada tahun 1984 ialah pembinaan masjid pertama di Brunei. Menurut Mahayudin Yahaya (2014), Sultan Sharif Ali telah membina sebuah masjid, dikenali sebagai Masjid Sultan Barakat yang dijadikan sebagai pusat ibadat pertama dan pendidikan Islam bagi Brunei ketika itu. Selain itu, kewujudan bangsa Melayu, bahasa, Islam, sistem beraja, tradisi dan undang-undang sebelum tahun 1906 turut membuktikan bahawa konsep MIB itu telah wujud. Malah, sistem kesultanan Melayu Islam merupakan cara kehidupan masyarakat Brunei sehingga tahun 1906, iaitu sebelum sistem residen British wujud di negara ini (Asbol Mail et.al, 2019). Selain itu, institusi pentadbiran tertinggi negara semasa zaman Kesultanan Melayu Islam dikendalikan oleh Wazir, Cheteria dan Manteri yang dipegang oleh bangsa Melayu beragama Islam dan terdiri daripada kerabat diraja. Malah, penggubalan undang-undang Islam telah dijadikan undang-undang negara dan dilaksanakan semasa zaman Sultan Sharif Ali (Asbol Mail, 2013).

Sejak pengisytiharan konsep MIB secara rasmi pada 1 Januari 1984, konsep ini diperkuuh dan menjadi agenda negara sehingga hari ini. Muhammad Hadi (2020) menyatakan, kewujudan konsep MIB yang melebihi 600 tahun yang lalu merupakan alasan kukuh bagi mengekalkan konsep ini dalam era globalisasi masa kini. Pengekalan konsep ini bertujuan untuk kestabilan politik, ekonomi dan sosial bagi mencapai Wawasan 2035. Justeru, pelbagai usaha telah dijalankan untuk menyebarkan falsafah ini kepada masyarakat untuk terus diamalkan dan dihayati dalam konteks kehidupan sehari-hari di Brunei. Antara usaha yang dijalankan oleh pihak berwajib seperti Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam termasuklah memperkenalkan mata pelajaran MIB yang berstatus wajib dipelajari dari peringkat sekolah rendah sehingga peringkat pengajian tinggi.

Seperti negara lain, Brunei turut berada dalam era globalisasi, kemodenan dan cabaran Revolusi Industri 4.0. Muhammad Hadi (2020) menyatakan bahawa ledakan pengaruh media baharu juga merupakan cabaran yang dihadapi masyarakat dunia termasuk Brunei masa kini. Proses globalisasi dan kemodenan tidak sahaja memberi manfaat dalam pembangunan dan kemajuan negara dan masyarakat, malah memberikan cabaran baharu pada proses perkembangan diri individu. Pada masa yang sama, Ahmad Effendi (2017) melihat kemodenan membawa perubahan yang besar terhadap pemikiran manusia, iaitu daripada pemikiran tradisional kepada pemikiran rasional.

Justeru, jika kemodenan tidak dapat ditangani dengan baik, pembinaan kerosakan dan kemudaratannya dalam masyarakat boleh berlaku. Menurut Ahmad Effendi (2017) lagi, oleh itu, dalam mengawal era moden dan untuk mendapatkan kehidupan yang damai, adil dan sejahtera sesuai dengan nilai-nilai etika dan agama, memerlukan sikap dan kebijaksanaan dalam mengatasi cabaran-cabaran tersebut. Yusoff Ismail (2013) menyatakan antara cabaran dan rintangan globalisasi yang dihadapi oleh pemimpin masyarakat dan pendidik pada masa kini ialah usaha membina belia yang cemerlang. Pada masa kini, budaya asing yang bertentangan dengan kehendak agama sangat mudah untuk menembusi rumah-rumah umat Islam tanpa saringan dan tapisan.

Cabaran lain ialah penyelewengan akidah atau ajaran sesat. Ajaran sesat yang pernah wujud dan mempengaruhi masyarakat Brunei ialah agama Bahai, ajaran Adiani (Ahmadiah),

ajaran Tarekat Mufarridiyyah dan ajaran Saihoni bin Tasipan (Ahmad Effendi, 2017). Selain itu, isu yang sangat dikhawatir ialah LGBT (*Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender*) yang semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat dunia (Mohd Afandi & Mohd Sabree, 2019) dan dikhawatir dapat mempengaruhi masyarakat Brunei, khususnya generasi muda.

Pada peringkat antarabangsa, isu LGBT menyebabkan banyak negara menganggapnya sebagai jenayah jika diamalkan secara terbuka. Hal ini disebabkan LGBT dilihat membawa kerosakan pada budaya hidup masyarakat, akhlak dan tingkah laku. Malah, di Malaysia, isu LGBT ini memerlukan campur tangan aspek perundangan (Mohd Afandi & Mohd Sabree, 2019). Dalam konteks Brunei, antara kaedah pencegahan perleluasan LGBT adalah menerusi program kesedaran yang dianjurkan oleh Pusat Da'wah Islamiah Brunei.

Dari aspek perundangan Brunei, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 turut menekankan hukuman dan kesalahan yang berkaitan dengan isu LGBT. Misalnya, kesalahan *musahaqah*, iaitu kegiatan atau perbuatan yang menjurus kepada seksual antara perempuan dengan perempuan dalam Bahagian IV Kesalahan-Kesalahan Penggal 1. Selain itu, dalam Bahagian IV Penggal IV Kesalahan-Kesalahan Am turut memuatkan kesalahan bagi lelaki yang memakai pakaian dan berlagak menyerupai perempuan dan sebaliknya di tempat-tempat awam tanpa alasan munasabah merupakan kesalahan di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013. Justeru, isu LGBT merupakan isu sosial yang serius, memerlukan usaha mengatasinya, terutama dari aspek perundangan negara dan pihak berwajib lainnya. Menurut Pengiran Mohammad (2013), hal ini bertujuan bagi mengekalkan Brunei sebagai negara yang berkonseptan MIB, negara Zikir dan Kesultanan Melayu Islam sejak lebih lima kurun yang lalu.

Cabarani lain yang turut berlaku dalam era semasa ialah peningkatan sifat-sifat yang bertentangan dengan nilai-nilai murni MIB seperti sifat sompong, kurangnya sifat hormat-menghormati, mementingkan diri sendiri serta kegagalan fungsi dalam institusi keluarga. Akhlak masyarakat khasnya generasi muda semakin kritikal dan secara perlahan-lahan mula mengabaikan adab dan tatatertib dalam meluahkan pendapat masing-masing terutamanya menerusi media sosial. Generasi belia Brunei, menurut Muhammad Hadi (2020), merupakan pewaris bangsa yang memerlukan pengukuhan pengetahuan dan pengamalan MIB. Malah, masyarakat Brunei keseluruhannya perlu mengetahui konsep MIB dan bagaimana konsep ini memberikan manfaat kepada negara. Masyarakat Brunei juga perlu mengetahui sebab Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sering memberikan penekanan kepentingan konsep MIB. Muhammad Hadi (2020) terus menyatakan, seandainya masyarakat Brunei gagal menjawab persoalan-persoalan ini, memberikan indikasi masyarakat gagal untuk memahami konsep MIB dan gagal untuk membantu generasi muda memahami dan menerima konsep MIB.

Justeru, dalam menghadapi cabaran-cabaran dalam era globalisasi, masyarakat Brunei perlu diberikan pengukuhan, praktik dan penghayatan konsep MIB secara berterusan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam titah perutusan baginda sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 23 Februari 2014 menegaskan,

MIB adalah merupakan satu-satunya pendinding atau “firewall” yang kukuh lagi berkesan untuk menangani pelbagai isu dan cabaran globalisasi.

(Dipetik dari laman sesawang Jabatan Penerangan Brunei, 2021)

Muhammad Hadi (2020) menegaskan, dalam menghadapi cabaran masa kini, masyarakat Brunei perlu diberikan pengukuhan pengetahuan, pengamalan nilai-nilai kebruneian yang bersandarkan konsep MIB. Ini kerana, konsep MIB diibaratkan sebagai benteng, penyelamat, pelindung dan pendinding masyarakat daripada kemudaratan dan kerosakan, malah “tempat kembali jika tersesat” (Mohd Zain, 2013; Mohd Arippin, 2013). Malah, konsep MIB merupakan identiti, nilai keBruneian dan imej Negara Brunei Darussalam yang menjadikan masyarakatnya berbeza dengan identiti masyarakat dunia yang lain (Mohd Jamil, 2014; Tassim Abu Bakar, 2015).

Konsep MIB dipercayai dapat menjalankan tugas untuk mempertahankan identiti budaya mahupun agama masyarakat Melayu Brunei (Ahmad Effendi, 2017). Antara nilai kebruneian ‘orang Brunei’ ialah nilai Islam, nilai perpaduan, nilai pemedulian, nilai bersopan santun, nilai cintakan dan taat setia kepada raja dan negara dan nilai adat. Nilai-nilai yang termaktub dalam konsep MIB merupakan ‘kubu pertahanan’ untuk mempertahankan kebudayaan dan identiti kebangsaan dalam era globalisasi. Malah, nilai-nilai dalam konsep MIB berupaya membantu masyarakat Brunei membuat keputusan, membezakan perkara yang baik dan buruk (Muhammad Hadi, 2020).

Ini kerana, menerusi konsep MIB, masyarakat Brunei diasuh untuk menghormati undang-undang dan peraturan, menentang dasar liberalisasi dan menjaga adat, tradisi dan nilai-nilai masyarakat sejak dulu sehingga sekarang (Muhammad Hadi, 2020). Oleh itu, konsep MIB sewajarnya disebarluaskan setiap masa dengan kerap kepada masyarakat bagi memberikan pemahaman yang lebih kukuh mengenai konsep MIB dan nilai-nilai di dalamnya. Ini memudahkan lagi pengamalan serta penghayatan konsep MIB dalam kehidupan seharian. Penyiaran konsep MIB juga bertujuan bagi memastikan falsafah negara tetap dipegang oleh masyarakat walaupun dihimpit oleh cabaran globalisasi yang membawa kemudaratan seperti penyebaran akidah yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah, pemikiran liberal dan sebagainya.

Justeru, salah satu kaedah dalam menyebarkan konsep MIB secara berterusan di negara ini ialah menerusi platform media massa. Hal ini kerana, media massa, tidak kira milik kerajaan atau swasta perlu bersama-sama melaksanakan tanggungjawab sosial mereka terhadap negara iaitu menyampaikan konsep MIB kepada masyarakat. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah mengenai peranan Radio Brunei khususnya untuk menerbitkan rancangan yang bermanfaat, selaras dengan Islam dan adat resam masyarakat Brunei yang memberikan indikasi secara tidak langsung keperluan pemakluman konsep MIB menerusi saluran media itu diperlukan malah dititahkan. Titah baginda,

Adalah juga diharapkan bahawa Radio Brunei sebagai salah satu saluran pendidikan dan laila penghiburan kepada orang ramai akan terus memberikan khidmatnya melalui rancangan-rancangan yang bermanfaat dan yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai agama Islam serta adat resam kita orang Brunei dan tidak uru-uruan.

(Jubli Intan 60 Tahun Radio Brunei, 2017)

Badaruddin Othman (2015) turut menyatakan Radio Televisyen Brunei (RTB) perlu menonjolkan identiti sebagai stesen penyiaran sebuah negara MIB yang tidak hanya memadai disebut atau disebarluaskan namun perlu merealisasikannya menjadi kenyataan. Radio Brunei suatu ketika dahulu, menurut Muhammad Hadi (2010) merupakan alat komunikasi utama

antara rakyat dan kerajaan. Misalnya, Radio Brunei digunakan bagi mengesahkan Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan Brunei ke-28 turun daripada takhta kerajaan dan melantik anakanda baginda. Pengiran Muda Mahkota Pengiran Hassanal Bolkian menjadi Sultan Brunei ke-29 bermula 5 Oktober 1967.

Definisi Konsep MIB

Konsep Melayu Islam Beraja (MIB) ialah falsafah negara yang menjadi garis panduan dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara di Negara Brunei Darussalam. Konsep ini menurut Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah anugerah Allah SWT yang tidak ada siapa boleh menafikannya (Mahayudin Yahaya, 2014). Duraman Tuah (2001) pula menyatakan, konsep MIB ini dianggap sebagai falsafah negara yang “ditakdirkan” bagi Brunei.

Konsep MIB adalah falsafah kenegaraan yang menegaskan bahawa negara ini adalah negara Melayu yang berpandukan akidah Islam dan raja sebagai pemerintah tertinggi negara (Tassim Abu Bakar, 2009). Konsep MIB merupakan suatu nilai yang paling tinggi dan agung, sumber etika dan budaya, membentuk bangsa yang berjaya, bersopan santun dan setia dan konsep ini merupakan pusat setiap gaya dan unsur kehidupan (Mohd Zain, 2013). Konsep MIB merupakan identiti dan pandangan hidup masyarakat Brunei iaitu mengamalkan budaya dan adat istiadat Melayu, memahami Islam sebagai agama yang lengkap dan sempurna dan taat kepada raja sebagai pemimpin tertinggi dan berkuasa mutlak di Brunei Darussalam (Ahmad Effendi, 2017). Malah, konsep ini menjadi kemegahan Brunei Darussalam. Ini kerana, konsep ini melahirkan sebuah kerajaan Islam yang tulen yang telah memerintah negara ini sejak berabad lamanya (Mahayudin Yahaya, 2014).

Konsep ini mengandungi tiga komponen utama iaitu, komponen Melayu, komponen Islam dan komponen beraja. Komponen “Melayu” dalam konsep MIB merujuk kepada hak bangsa Melayu yang terdiri daripada tujuh puak jati bangsa Melayu menurut Undang-Undang Taraf Kebangsaan Brunei 1961, iaitu Belait, Brunei, Kedayan, Bisaya, Dusun, Murut dan Tutong manakala komponen “Islam” merujuk pada agama rasmi negara menurut akidah Ahli Sunnah wal Jamaah berpandukan mazhab Shafie yang perlu dihayati sebagai cara hidup. Komponen “beraja” merujuk kepada pemerintahan beraja di negara ini, Sultan selaku pemimpin dan penaung rakyat memegang amanah Allah SWT bagi menjalankan kuasa tertinggi memerintah negara (Mohd Zain, 2013). Brunei merupakan sebuah negara yang diperintah oleh sultan sejak berabad lamanya, iaitu sejak Sultan Muhammad Shah, Sultan Brunei pertama sehingga pemerintahan sultan yang pada masa kini.

Peranan Melayu dalam konsep MIB, menurut Duraman Tuah (2001) adalah penggunaan bahasa Melayu dalam sektor kerajaan, perniagaan dan persendirian. Islam pula menjadi panduan kepada hal ehwal pentadbiran, pemerintahan dan setiap aktiviti harian yang dijalankan oleh kerajaan dan penduduk. Peranan “beraja” merujuk pada setiap hal seperti pelaksanaan dasar atau acara-acara memerlukan titah perkenan Sultan. Justeru, definisi konsep MIB dapat ditakrifkan sebagai falsafah negara yang mengandungi komponen Melayu, komponen Islam dan komponen beraja.

MIB merupakan sebuah konsep bersepadan yang mempunyai tiga komponen penting, yang berkaitan antara satu dengan yang lain dan tidak dapat dipisahkan atau diasingkan walaupun mempunyai takrif yang berbeza. menyatakan, Tiga komponen di dalam konsep

ini tidak bercanggah antara satu dengan lain, bahkan saling melengkapi (Ahmad Effendi, 2017; Mahayudin Yahaya, 2014). Menurut Mohd Zain (2013), konsep MIB ini adalah ‘norma kehidupan’ masyarakat Brunei yang saling berkaitan, mencerminkan identiti kebruneian, Islam sebagai cara hidup, menghormati dan taat kepada undang-undang dan peraturan, kasih dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Sultan dan tanah air, bangga dalam menggunakan bahasa Melayu, mengamalkan budaya dan adat Melayu yang tidak bertentangan dengan agama Islam, bertindak, berinteraksi, bercakap dan berpakaian selaras dengan budaya Melayu yang bersandarkan syarak.

Justeru, Muhammad Hadi (2010) menyatakan MIB adalah identiti dan calak bangsa Brunei yang perlu dipertahankan demi kelangsungan bangsa dan negara. Keunggulan sesebuah bangsa itu pula, menurut Pengiran Hidop (2013) dapat dilihat daripada kesempurnaan akhlak dan peribadi individu dalam masyarakat. Bagi konteks Brunei, keunggulan bangsa itu dapat dilihat apabila masyarakat bangsa Melayu Brunei taat dalam mengamalkan budaya dan adat luhur bangsa yang membantu dan berusaha membangunkan dan melaksanakan rancangan kemajuan negara.

Ciri-ciri Konsep MIB

Komponen Melayu dalam konsep MIB membawa maksud mendaulatkan dan menggunakan Bahasa Melayu, mengamalkan serta mempertahankan aspek nilai murni dan aspek kekeluargaan. Ciri-ciri dalam komponen ini adalah mengamalkan nilai budaya Melayu berteraskan Islam, misalnya berakhhlak mulia (menghormati ibu bapa, orang tua, guru, ulama, pemimpin), mempunyai sifat “awar galat” (segan), mematuhi adat yang tidak bercanggah dengan syarak, bekerja keras dengan penuh ikhlas, berdisiplin dan berdedikasi serta berkelakuan dengan kehendak budaya Melayu dan ajaran Islam (Mohd Zain, 2013). Menurut Tassim Abu Bakar (2009), penggunaan dan mendaulatkan bahasa Melayu merupakan ciri penting dalam pengamalan dan penghayatan konsep MIB.

Komponen Islam merangkumi aspek amar makruf nahi mungkar dan aspek masyarakat yang berilmu pengetahuan. Ajaran serta pengamalan beragama (Islam) di negara ini adalah berpandukan aliran Ahli Sunnah wal Jamaah yang telah termaktub dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Penegasan aliran ini sangat penting terutama dalam era globalisasi kerana salah satu cabaran umat Islam pada masa kini ialah kemasukan aliran-aliran agama yang sesat (ajaran sesat). Masyarakat di negara ini perlu sentiasa didedahkan pengamalan agama menurut aliran Ahli Sunnah wal Jamaah agar tidak terpesong kepada ajaran-ajaran sesat dan bagi menghindari perkembangan ajaran sesat di negara ini.

Aspek amar makruf nahi mungkar merujuk kepada perbuatan yang meninggalkan perkara-perkara yang mungkar, perkara-perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Dengan meninggalkan perkara yang dilarang oleh Allah SWT, negara mencapai keharmonian dan kerukunan bangsa. Salah satu usaha yang telah dijalankan di Negara Brunei Darussalam dalam aspek pengamalan amar makruf nahi mungkar ialah pengharaman pengambilan, penghidangan dan kemasukan arak ke negara ini demi mencapai keharmonian bernegara, mendapatkan keredaan dan perlindungan Allah SWT agar negara terhindar dari bala bencana yang tidak diingini (Pusat Da’wah Islamiah, 2009).

Aspek masyarakat yang berilmu pengetahuan merujuk kepada keperluan dalam melahirkan individu yang berilmu pengetahuan dan seterusnya menjadikan individu

tersebut (yang beragama Islam) seorang Muslim yang bertakwa dan sentiasa mengingati Allah SWT. Menurut Pusat Da'wah Islamiah (2009), ilmu pengetahuan yang diperlukan merangkumi pengetahuan yang dapat mempengaruhi iman, kebenaran dan akhlak. Tanpa ilmu pengetahuan, bagaimana individu dan masyarakat mencapai kemajuan, menambah keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT? Menerusi ilmu pengetahuan juga, masyarakat dapat mempertahankan negara, mengukuhkan lagi konsep MIB sebagai falsafah negara dan dengan ilmu pengetahuan, kemajuan negara terus dicapai.

Ciri-ciri dalam komponen Islam, tidak khusus untuk diamalkan oleh masyarakat yang beragama Islam sahaja. Bahkan, ciri-ciri dalam komponen ini merupakan garis panduan bagi seluruh masyarakat di Negara Brunei Darussalam, tanpa mengira agama, bagi sama-sama mengamalkan kebaikan, mencapai keharmonian hidup bermasyarakat yang berbilang agama, puak dan bangsa. Begitu juga dengan aspek masyarakat yang berpengetahuan, ciri ini adalah satu keperluan universal bagi seluruh masyarakat untuk mengamalkannya. Menurut Ahmad Effendi (2017), konsep MIB mengandungi nilai-nilai universal yang boleh diterima dan diamalkan seluruh masyarakat Brunei. Misalnya nilai taat kepada raja, nilai menghormati ulama, pemimpin dan ibu bapa, nilai mencintai ilmu dan nilai menjaga adat.

Dalam komponen Beraja, aspek kasih dan taat setia kepada Sultan seperti mempertahankan kedudukan Sultan selaku ketua negara dan mempertahankan tanah air merupakan ciri utama komponen ini. Tassim Abu Bakar (2009) menggariskan bentuk ketaatan dan kesetiaan kepada Sultan adalah seperti menundukkan kepala, rakyat dan penduduk mematuhi undang-undang negara, menjaga keselamatan dan keamanan negara dan mendoakan kesejahteraan dan usia raja dilanjutkan. Malah, Islam, sangat menuntut bagi mentaati ulul amri (ketua atau pemimpin). Selain itu aspek mempertahankan tanah air juga termasuk dalam komponen Beraja. Masyarakat perlu mempunyai sifat patriotisme seperti mempertahankan tanah air sendiri dan mempunyai perasaan kasih kepada tanah air.

Islam turut menggariskan kepentingan mempertahankan keselamatan dan maruah agama, bangsa dan negara (Pusat Da'wah Islamiah, 2009). Menjaga kebersihan merupakan antara contoh bagi aspek mempertahankan tanah air dari dicemari oleh racun-racun, virus dan penyakit yang boleh timbul jika masyarakat tidak menjaga dan mengamalkan kebersihan di tempat awam dan di tempat kediaman masing-masing. Oleh itu, masyarakat perlu mempunyai sifat mempertahankan tanah air, serta kasih kepada tanah air dari semua sudut, tidak hanya mempertahankan tanah air daripada ancaman-ancaman atau kekerasan luar terhadap negara.

Siaran Radio di Brunei

Sistem penyiaran radio di Brunei bermula pada 2 Mei 1957 (Mahat Jamal, 2015). Atas persetujuan Ahli Mesyuarat Negara, stesen radio yang kecil mula beroperasi dengan objektif memberikan informasi dan hiburan kepada rakyat. Program pertama yang disiarkan menerusi Radio Brunei ialah titah Almarhum Sultan Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Sultan Brunei ke-28 sempena Hari Raya iaitu kebetulan pelancaran radio jatuh pada malam Hari Raya. Radio Brunei mula dikendalikan oleh Jabatan Penyiaran sebelum bergabung dengan siaran televisyen Brunei menjadi Jabatan Radio Televisyen Brunei (Che Mahzan Ahmad, 2008). Hari ini, Jabatan Radio Televisyen Brunei adalah di bawah kendalian Bahagian Perkhidmatan Awam, Kesejahteraan, Antarabangsa dan Media, Jabatan Perdana Menteri, Brunei Darussalam (Jabatan Perdana Menteri, 2018).

Pada tahun 1996, setelah empat dekad, penyiaran Radio Brunei terus berkembang dan distrukturkan semula, iaitu daripada sebuah stesen radio menjadi empat stesen radio (Che Mahzan Ahmad, 2008). Pada masa kini, Radio Brunei mempunyai lima stesen radio terdiri daripada Rangkaian Nasional, Rangkaian Nur Islam, Rangkaian Harmoni, Rangkaian Pelangi dan Rangkaian Pilihan. Radio Brunei ini berperanan sebagai media komunikasi rasmi kerajaan (Mahat Jamal, 2015). Selain daripada stesen radio milik kerajaan, stesen radio swasta, Kristal FM turut beroperasi di bawah kendalian Kristal Media Sendirian Berhad yang merupakan kumpulan syarikat Data Stream Technology (Kristal FM, t.th). Kristal FM ditubuhkan dan mula bersiaran pada 2 Januari 1999 dengan slogan "Your Music Your Life". Menurut Che Mahzan Ahmad (2008), kemunculan stesen radio swasta di negara ini menunjukkan pengakhiran monopoli kerajaan dalam dunia penyiaran di Brunei khususnya dalam siaran radio.

Menurut Mahat Jamal (2015), siaran Radio Brunei (milik kerajaan) bertujuan bagi mempromosi dan menyiaran liputan dasar-dasar negara seperti wawasan Brunei, Wawasan 2035 selaras dengan konsep MIB. Siaran radio kerajaan turut berperanan dalam menghebahkan aktiviti-aktiviti pihak kerajaan. Namun, golongan belia di negara ini lebih kepada mendengar stesen radio swasta. Realitinya, stesen radio swasta banyak menyiaran lagu dan muzik berbanding elemen pembangunan negara bangsa. Walau bagaimanapun, Kristal FM merupakan satu-satunya stesen radio swasta di negara ini yang mana belum lagi menggugat populariti radio milik kerajaan di kalangan pendengar. Pada 2 Mei 2017, penyiaran Radio Brunei telah menyambut Sambutan Jubli Intan 60 Tahun Radio Brunei (Siti Zuraiyah, 2017). Selama 60 tahun, telah banyak pencapaian dan perkembangan yang dicapai oleh Radio Brunei (Radio Televisyen Brunei, 2017). Perkembangan ini seiring dengan pembangunan negara. Perkembangan Radio Brunei ini, walaupun menggunakan teknologi yang canggih dan moden, pengkaji mempersoalkan, adakah selama 60 tahun, Radio Brunei membantu dalam merealisasikan hasrat negara menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja? Justeru, persoalan ini merupakan objektif kajian ini iaitu sejauh mana konsep MIB dilaksanakan dan disiarkan menerusi saluran radio di Brunei dengan menumpukan dapatan kajian daripada perspektif masyarakat.

ULASAN KAJIAN LEPAS

Konsep MIB merupakan penyelamat bangsa, negara dan agama, bahkan "tempat kembali ke pangkal jalan kalau tersesat, tempat berpaut untuk timbul di laut jikalau karam" (Mohd Zain, 2013: 9). Konsep MIB ini memberikan jaminan dari sudut ketenteraman, keselamatan, kebijakan, kebahagiaan rakyat, saling menghormati dan mewujudkan keutuhan wilayah. Menurut Muhammad Hadi (2020), konsep MIB merupakan sumber keamanan dan keharmonian masyarakat dan negara. Selain itu, nilai-nilai dalam konsep ini turut menyatukan dan mengintegrasikan masyarakat Brunei tanpa mengira latar belakang, agama dan budaya. Setiap unsur yang ada dalam konsep MIB sama sekali tidak membantutkan perkembangan negara pada masa ini dan masa hadapan (Mohd Zain, 2013). Mohd Arripin (2013) turut menyatakan, konsep MIB ini dapat dijadikan pendinding atau pelindung dalam menempuh cabaran globalisasi, sekularisme, gejala sosial dan sebagainya.

Konsep MIB juga berfungsi bagi menyelamatkan dan mengekalkan sistem Beraja yang telah diwarisi turun-temurun, menstabilkan kedudukan negara seperti menyatupadukan kaum, mempertahankan bangsa Melayu, menjaga adat istiadat dan kebudayaan Melayu

Brunei mengikut hukum-hukum Islam (syarak). Dalam konsep MIB wujudnya konsep “syura” yakni demokrasi, asas kepada perpaduan rakyat, memupuk keamanan, memupuk nilai taat setia kepada raja dan mengikut ajaran Islam dan perintah Allah SWT. Kepentingan ini merupakan antara sebab Negara Brunei Darussalam masih kekal sebagai sebuah negara sistem Beraja sejak berkurun lamanya sehingga ke hari ini (Tassim Abu Bakar, 2009).

Konsep MIB berupaya dalam mempertahankan nilai kebruneian (Tassim Abu Bakar, 2015). Dalam konteks di negara ini, nilai merupakan asas penting untuk membentuk jati diri orang Melayu Brunei. Antara nilai kebruneian ialah nilai Islam, nilai perpaduan, nilai tanggungjawab, nilai bersopan santun, nilai cintakan raja, negara dan taat setia dan nilai adat. Nilai Islam merupakan nilai utama diamalkan di Negara Brunei Darussalam. Nilai ini merangkumi mengerjakan sesuatu yang baik dan meninggalkan perkara-perkara yang mungkar. Manakala nilai akhlak ialah seperti sifat jujur. Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB) turut menjelaskan konsep MIB ini mempertahankan nilai-nilai kebruneian selain cara hidup yang berpandukan Islam dan Melayu serta menjunjung nilai adat dan taat kepada raja (Tassim Abu Bakar, 2015).

Konsep ini memberikan kebahagiaan kepada rakyat, memelihara hubungan persahabatan di arena antarabangsa dan dengan konsep ini, negara Brunei Darussalam mempunyai identiti dan imej yang tersendiri (Mohd Jamil Al-Sufri, 2014). Konsep MIB berupaya dalam memelihara hubungan persahabatan antara Brunei dengan negara-negara luar dengan mengamalkan dasar saling hormat-menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan wilayah (Siti Norkhalbi, 2016). Buktinya, Negara Brunei Darussalam telah mengukuhkan dan menjalinkan hubungan diplomatik dengan 170 buah negara di seluruh dunia dan 43 perwakilan di negara-negara sahabat, pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa (Mohammad Rainie, 2017). Di dalam negara pula, konsep ini membantu mengembangkan dan memajukan negara, rakyat dan penduduk terutama dalam amalan dan penghayatan syiar Islam. Pengamalan konsep ini bukan hanya secara praktikal, malah diamalkan untuk mendapatkan taufik dan hidayah dari Allah SWT di dunia dan di akhirat. Seandainya amalan ini terutama sekali ajaran agama Islam dilaksanakan secara sambil lewa sahaja, dikhuatiri rakyat dan penduduk di negara ini tidak dapat mempertahankan Melayu, Islam dan Beraja (Mohd Arripin, 2013).

Dalam pada itu, Badaruddin Othman (1996) menjelaskan, konsep MIB perlu diangkat dan dikekalkan sebagai falsafah kenegaraan kerana konsep ini adalah sebahagian daripada aspirasi nasional. Aspirasi nasional merujuk kepada mengekalkan Brunei Darussalam sebagai negara MIB yang merdeka, berdaulat dan demokratik dengan bersendikan ajaran-ajaran Islam menurut Ahli Sunnah wal Jamaah berasaskan keadilan, amanah dan kebebasan. Pengamalan konsep MIB ini juga, dengan petunjuk dari Allah SWT bertujuan bagi memperoleh ketenteraman dan kesejahteraan, kebajikan dan kebahagiaan rakyat.

Konsep MIB juga berupaya melindungi negara dari kejahilan dan kemungkar di alaf baru. Falsafah negara ini dapat mengawal dan mengatur hidup masyarakat untuk beriman kepada Allah SWT kerana negara, tidak terlepas daripada kemajuan sains dan teknologi, globalisasi, sekularisme dan fahaman lain. Kemajuan serta kemodenan ini juga yang menyebabkan segelintir umat Islam mengejar kemewahan dunia dan membelakangi agama Islam (Mohd Arripin, 2013). Justeru, konsep MIB adalah “sukat-sukat” atau panduan dalam kehidupan masyarakat.

Seterusnya, MIB berperanan dalam mengawal masyarakat daripada terjerumus kepada kejahanan dan hal-hal kemungkaran yang membawa kepada kemudaratian. Atas sebab itu, Mohd Zain (2013) menyatakan konsep MIB ini adalah penyelamat bangsa. Misalnya, sebelum individu membuat keputusan, nilai MIB yang ada pada diri individu tersebut berfungsi sebagai tapisan sama ada keputusan yang dibuat tersebut bertepatan dengan hukum Islam, nilai-nilai MIB atau kesesuaian dengan adat dan budaya masyarakat Brunei.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah menegaskan bahawa nilai-nilai murni yang luhur dalam konsep MIB perlu diserapkan kepada semua lapisan masyarakat terutama generasi muda. Golongan ini perlu memahami erti bernegara atau berkerajaan dan memperkenalkan corak pemerintahan yang 'ditakdirkan' oleh Allah SWT (Mohd Jamil Al-Sufri, 2014). Selain itu, sudah menjadi tanggungjawab negara dan pihak berwajib untuk memberikan kefahaman MIB kepada masyarakat dan belia khususnya. Ini kerana, menurut Yusoff Ismail (2013), golongan belia di negara ini merupakan aset dan kekuatan masa depan Brunei. Justeru, belia perlu diberikan perhatian dan dipelihara kerana mereka terdedah dan sering dikaitkan dengan masalah sosial.

Penjelasan ini menerangkan sebab dan tujuan MIB itu perlu dipertahankan, dikukuhkan, diamalkan dan disampaikan kepada seisi negara di Brunei. Kepentingan-kepentingan ini diperlukan dalam menghadapi cabaran kemodenan pada era globalisasi dan Revolusi Industri 4.0. Malah, konsep MIB ini bukan sahaja penting bagi setiap individu dalam menjalani kehidupan seharian tetapi, juga dalam kegiatan bermasyarakat dan pentadbiran negara. Justeru, konsep MIB ini wajar untuk terus diamalkan, dihayati dan diwarisi kepada generasi-generasi akan datang, agar Brunei Darussalam akan selama-lamanya menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja. Menurut Muhammad Hadi (2020), kebanggaan negara itu diukur melalui kejayaan dalam mempertahankan identiti dan warisan budaya, bukan berusaha untuk menjadi bangsa baru.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan dalam mempertahankan, mengukuhkan dan menyampaikan konsep MIB kepada masyarakat Brunei. Seperti yang diterangkan pada bahagian awal artikel ini, "Melayu Islam Beraja" dijadikan mata pelajaran wajib dalam kurikulum sekolah dari peringkat rendah sehingga menengah dan diteruskan di institusi pengajian tinggi. Misalnya, kursus MIB merupakan kursus wajib lulus bagi peringkat ijazah dan persijilan (Abu Bakar, 1998). Malah, pendidikan agama Islam di negara Brunei Darussalam mula diberikan sejak pra sekolah sehingga peringkat universiti. Bermula 1 Januari 2013, penggubalan undang-undang khas iaitu Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 telah diisyiharkan di negara ini. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menerusi undang-undang ini, kanak-kanak Islam di negara ini akan mempunyai, memahami dan mengetahui ilmu asas pendidikan Islam dan tidak ada lagi yang tidak pandai solat dan tidak pandai membaca al-Quran (Siti Zuraiyah, 2017).

Selain itu, media rasmi kerajaan seperti Radio dan Televisyen Brunei serta akhbar *Pelita Brunei* turut membuktikan kewujudan penyiaran konsep MIB kepada masyarakat (Duraman Tuah, 2001; Tassim Abu Bakar, 2015). Malah, Siti Ummy Kalthum (2016) menyatakan, akhbar swasta dan protokol bidang kewartawanan di negara Brunei Darussalam turut berasaskan ideologi konsep MIB. Ini selari dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk merealisasikan

falsafah ini ketika melancarkan perkhidmatan siaran televisyen pada 9 Julai 1975 (Johari Achee, 2000). Titah baginda,

Televisyen Brunei akan mampu memainkan peranan penting sebagai saluran komunikasi antara kerajaan beta dan penduduk Brunei Darussalam dan antara orang ramai dan kerajaan.... Televisyen Brunei juga akan meliputi kegiatan dan kemajuan dalam bidang pendidikan, kebudayaan dan perkara lain dalam masyarakat. Diharap ini akan membantu mencapai tujuan dalam melahirkan rakyat Brunei Darussalam yang progresif, bersatu padu, kukuh dan terjamin.

Walaupun titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak secara langsung menyatakan keperluan siaran televisyen atau siaran media lain menyiaran konsep MIB kepada masyarakat, titah yang disampaikan memberikan suatu gambaran kefahaman mengenai peranan televisyen dan siaran media di negara ini yang bertanggungjawab menyebarkan falsafah negara, dasar-dasar kerajaan dan hal ehwal dan semasa.

METODOLOGI

Walaupun konsep MIB dilihat sebagai sejarah, hakikatnya, skop kajian yang menentukan pendekatan kaedah kajian. Bagi konteks kajian ini, skop kajian memerlukan pengkaji memahami perspektif masyarakat dan menerangkan penghebohan konsep MIB dalam siaran radio di Brunei. Oleh itu, metodologi kualitatif dengan pendekatan kaedah temu bual mendalam dijalankan bagi mencapai objektif kajian dalam artikel ini. Malah, kaedah temu bual mendalam menurut Azizah Hamzah (2010) menumpukan kepada maklumat yang berkualiti. Dari sudut kajian, kaedah ini membolehkan pengkaji mendalami dan memahami respons informan yang ditemu bual.

Seramai 22 orang individu yang terdiri dari golongan belia, golongan dewasa dan golongan warga emas telah ditemu bual sekitar bulan Mei sehingga Julai 2019. Informan kajian ini terdiri dari pelbagai bangsa dan agama tidak hanya menumpukan kepada perspektif individu yang beragama Islam dan bangsa Melayu sahaja. Dalam pada itu, analisis kajian ini dapat menjelaskan kefahaman dan penerimaan masyarakat terutama mereka yang bukan beragama Islam dan berbangsa Melayu terhadap konsep MIB. Jadual 1 menjelaskan keterangan serta latar belakang informan.

Kajian ini dijalankan sepenuhnya di daerah Brunei dan Muara. Sesi temu bual dijalankan di perpustakaan Universiti Brunei Darussalam, pejabat kerajaan (bagi informan yang bekerja) dan rumah persendirian bagi informan dewasa yang telah bersara. Sesi temu bual dilaksanakan sepenuhnya dalam bahasa Melayu Brunei. Data temu bual yang dirakam, ditranskrip dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu standard oleh pengkaji. Kajian ini menitik beratkan soal etika dalam penyelidikan bagi memperoleh data daripada informan. Sebelum sesi temu bual, pengkaji terlebih dahulu menjelaskan objektif kajian kepada informan. Informan diberikan borang persetujuan dan boleh untuk menarik diri daripada sesi temu bual atau tidak terlibat jika mereka berasa kurang selesa. Pengkaji turut mendapatkan keizinan daripada informan untuk merakam audio temu bual daripada informan. Pengkaji turut menjelaskan bahawa identiti informan adalah sulit dan tidak akan dinyatakan dalam penulisan hasil kajian, digantikan dengan kod identiti.

Jadual 1: Latar Belakang Informan Kajian

Informan	Jantina	Umur	Bangsa	Agama	Daerah	Pekerjaan
1	P	43	Melayu	Islam	Brunei-Muara	Kerani
2	L	50	Melayu	Islam	Tutong	Pegawai
3	L	61	Melayu	Islam	Brunei-Muara	Bersara
4	L	57	Melayu	Islam	Brunei-Muara	Bersara
5	P	48	Murut	Kristian	Temburong	Pegawai
6	P	42	Cina	Buddha	Belait	Guru
7	L	55	Melayu	Islam	Brunei-Muara	Bersara
8	L	64	Dusun	-	Tutong	Bersara
9	P	58	Cina	Buddha	Belait	Pegawai
10	P	61	Cina	Kristian	Brunei-Muara	Bersara
11	L	31	Melayu-Dusun	Islam	Brunei-Muara	Pegawai
12	P	24	Melayu	Islam	Brunei-Muara	Swasta
13	P	29	Melayu	Islam	Brunei-Muara	Swasta
14	L	22	Melayu	Islam	Brunei-Muara	Pelajar
15	P	24	Cina	Buddha	Brunei-Muara	<i>Freelance</i>
16	L	23	Cina	Buddha	Brunei-Muara	Persendirian
17	L	32	Melayu	Islam	Brunei-Muara	Pegawai
18	P	21	Melayu	Islam	Brunei-Muara	Pelajar
19	P	24	Melayu	Islam	Belait	Pelajar
20	P	19	Melayu	Islam	Temburong	Pelajar
21	L	34	Melayu	Islam	Brunei-Muara	Pegawai
22	L	70	Melayu	Islam	Brunei-Muara	Bersara

Soalan-soalan temu bual mendalam dibangunkan oleh pengkaji sendiri berdasarkan rujukan kepada objektif dan skop kajian. Soalan kajian adalah separa berstruktur bagi membebaskan pengkaji mengemukakan soalan yang lebih mendalam terhadap informan. Perspektif masyarakat yang diperoleh dalam kajian ini menumpukan kepada penyampaian konsep MIB sekarang iaitu selepas Negara Brunei Darussalam mengisytiharkan kemerdekaan pada 1 Januari 1984 dan cadangan penyiaran konsep MIB di masa hadapan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Konsep MIB dalam Siaran Radio Masa Kini

Selepas konsep MIB diisytiharkan sebagai falsafah negara secara rasmi pada 1 Januari 1984, berdasarkan informan, siaran radio semakin rancak dalam menyampaikan konsep MIB. Selain itu, rancangan-rancangan radio juga diserapkan nilai-nilai MIB di dalamnya. Hal ini memberikan indikasi penggunaan siaran radio oleh pihak kerajaan dalam menyampaikan konsep MIB kepada masyarakat. Malah, usaha ini juga merupakan satu tanggungjawab sosial siaran radio khususnya dan media massa amnya di negara ini dalam membantu masyarakat Brunei untuk memahami dan menghayati konsep MIB dalam kehidupan.

Menurut Informan 4, penyampaian konsep MIB dalam siaran radio lebih jelas dan rancangan yang disiarkan mengikut kesesuaian konteks selepas merdeka yang menyaksikan kemajuan sistem radio di Brunei yang lebih jelas dan disampaikan dalam bentuk yang lebih sesuai. Seorang lagi informan yang ditemui turut menyatakan bahawa nilai MIB yang sudah ada dalam siaran radio sebelum negara mencapai kemerdekaan disambung dan dibaiki penyiaran dan penyerapannya sehingga ke hari ini.

Ya, penyampaian MIB dalam siaran radio suatu ketika dahulu memang disambung sehingga ke hari ini, diperbaiki, ditambah. Oleh itu, saya berpendapat, penyampaian MIB sejak dulu lagi memang ada, walaupun tidak disebutkan, dan menonjol setelah merdeka.

(Informan 10, 19 Julai 2019)

Perspektif pertama yang dianalisis ialah adakah siaran radio yang informan ikuti setiap hari menyampaikan konsep MIB dari sudut definisi konsep MIB atau nilai-nilai MIB. Analisis telah mendapati penyampaian nilai-nilai MIB lebih banyak disampaikan kepada masyarakat berbanding penyiaran definisi konsep MIB berdasarkan siaran radio yang informan ikuti setiap hari. Menurut informan, penyampaian nilai-nilai MIB diserapkan dalam rancangan-rancangan radio dan dalam bentuk pesanan khidmat awam (PKA). Misalnya, pesanan bertimbang rasa apabila memandu di atas jalan raya.

Namun, terdapat sebilangan informan yang mengakui, penyampaian nilai-nilai MIB tidak disedari oleh mereka sehingga mempersoalkan adakah apa yang disebarluaskan itu nilai-nilai MIB atau sebaliknya. Justeru, faktor ini memerlukan jalan penyelesaian bagi mengatasinya iaitu memberikan kefahaman kepada kumpulan masyarakat seperti ini. Kefahaman konsep MIB itu bukan hanya bermaksud definisi Melayu, Islam dan Beraja bahkan turut membawa maksud yang luas dan mendalam. Konsep MIB juga bermaksud pengamalan nilai-nilai, peradaban, tradisi dan budaya misalnya mengucapkan salam juga merupakan antara nilai MIB.

Peringkat umur informan yang kurang memahami dan tidak pasti mengenai pemakluman nilai-nilai MIB terdiri dari kumpulan belia yang berumur di bawah 30 tahun. Sebagai satu cadangan, penerbit radio perlu mengetahui kehendak para belia di negara ini dalam siaran radio. Ini kerana, rangkaian yang mereka sering ikuti dan penyampaian konsep MIB itu perlu bertepatan dengan cita rasa mereka bagi memastikan keberkesanan mesej yang disampaikan. Misalnya, menggunakan khidmat individu berpengaruh (*social influencer*) dalam menyampaikan pesanan. Misalnya, PKA yang mengandungi nasihat kepentingan mengamalkan budaya hormat-menghormati dan bersopan santun dalam menyuarakan pendapat dalam media sosial.

Dari segi penyampaian definisi konsep MIB kepada masyarakat, informan yang ditemui tidak menafikan mereka pernah mendengar penyiaran definisi konsep MIB menerusi siaran radio. Namun, analisis menunjukkan tidak semua informan yang ditemui menyedari kewujudan penyampaian definisi konsep MIB ini. Berdasarkan analisis pengkaji terhadap Garis Panduan Perkhidmatan Penyiaran di bawah Akta Penyiaran Penggal 180 Pindaan 2000, menunjukkan tidak ada aspek yang menekankan keperluan untuk menyampaikan atau menghebahkan definisi konsep MIB kepada masyarakat Brunei. Aspek yang ditekankan menerusi garis panduan ini menumpukan kepentingan mengamalkan nilai-nilai MIB dalam penerbitan penyiaran. Misalnya, rancangan yang disiarkan tidak boleh berunsur politik

atau aktiviti yang bertentangan dengan sistem kerajaan di Negara Brunei Darussalam pada ketika ini. Justeru, dasar yang memandu sistem penyiaran di negara ini memerlukan pindaan bagi kesesuaian dan kerelevanannya dengan kehendak dan keperluan masyarakat Brunei pada ketika ini.

Menurut Mohd Shukri (2014), dalam memahami sesebuah dasar atau konsep, masyarakat perlu mengetahui dan memahami definisi dasar atau konsep tersebut. Misalnya keperluan masyarakat mengetahui definisi dasar Negara Zikir. Negara Zikir merupakan dasar yang mula diisytiharkan di negara Brunei Darussalam pada tahun 2007, iaitu sebuah negara dan masyarakat didalamnya sentiasa mengingati Allah SWT bagi mendapatkan pengampunan dan perlindungan daripada Allah SWT (Pengiran Anak Amiruddin et.al, 2015). Justeru, Mohd Shukri (2014) menambah, untuk mencapai sebuah Negara Zikir masyarakat Islam perlu memahami konseptualisasi Negara Zikir terlebih dahulu. Ini kerana, dengan memahami definisi atau makna Negara Zikir, masyarakat yakin dalam menjadikan Negara Zikir sebagai acuan dan landasan kehidupan.

Begitu juga dengan konsep MIB menurut pengkaji. Walaupun konsep MIB ini telah wujud lebih enam ratus tahun dahulu, masyarakat Brunei perlu memahami definisi konsep MIB. Menerusi kefahaman ini, memudahkan dan meyakinkan masyarakat Brunei untuk menjadikan konsep ini sebagai asas dalam menjalankan kehidupan sehari-hari. Salwana Dahlan (2014) menyatakan terdapat belia Brunei yang hanya terdedah dengan definisi konsep MIB dan Negara Zikir semasa membuat persediaan sesi ujian lisan bagi mendapatkan biasiswa kerajaan untuk menuntut ke luar negara. Oleh itu, keperluan siaran radio dalam menyiaran definisi konsep MIB kepada masyarakat Brunei adalah sangat wajar.

Seterusnya, informan turut menyatakan, mereka mendengar radio apabila berada di dalam kenderaan sahaja, pada sebelah pagi dalam perjalanan menuju ke tempat kerja atau pengajian dan pada sebelah petang dalam perjalanan balik ke rumah. Kenyataan ini juga bertepatan dengan data daripada Kajian Audiens RTB 2016, waktu pendengar mendengar radio paling tinggi ialah antara jam 6.01 pagi sehingga 8.00 pagi dan antara 4.01 petang sehingga 6.00 petang. Justeru, waktu-waktu ini perlu dimanfaatkan oleh penerbit radio untuk menyiaran dalam apa jua bentuk penyampaian konsep MIB, sama ada definisi konsep MIB atau nilai-nilai MIB.

Terdapat juga informan yang menyatakan mereka pernah mendengar penyiaran definisi konsep MIB yang disampaikan dalam bentuk pesanan khidmat awam tetapi sangat jarang disiarkan. Ini kerana penyampaiannya dilakukan hanya secara berkala.

Penyiaran konsep MIB jarang disiarkan. Saya pernah terdengar beberapa kali, tetapi saya tidak ingat bila waktunya dan stesen radio mana yang menyiaran, hebahan konsep MIB adalah falsafah negara, komponen Melayu merujuk kepada ini, Islam merujuk kepada ini, penyampaian itu disiarkan seperti dalam bentuk iklan dalam siaran radio, ya, saya pernah mendengar, selepas itu disambung pula dengan hebahan mengenai Wawasan 2035.

(Informan 12, 25 Mei 2019)

Selain itu, terdapat juga informan yang menyatakan, pemakluman definisi konsep MIB hanya disampaikan ketika siaran langsung acara-acara kenegaraan yang disiarkan melalui radio. Misalnya, dalam siaran langsung Majlis Sambutan Hari Kebangsaan, juruulas radio lazimnya menyelitkan konsep MIB dan definisi konsep MIB dalam ulasan mereka.

Penyiaran MIB kebiasaannya disiarkan paling banyak semasa hari-hari perayaan seperti Hari Kebangsaan, Hari Keputeraan, Persandingan Diraja atau acara-acara kenegaraan yang tertentu. Oleh itu, hanya pada musim perayaan sahaja juruhebah atau penyampai radio menghebahkan.

(Informan 17, 3 Julai 2019)

Dalam pada itu, hanya seorang informan iaitu Informan 7 (04 Julai 2019) yang menyatakan, terdapat sebuah rancangan mengenai konsep MIB ada disiarkan menerusi Rangkaian Nasional, namun tidak pasti isi kandungan yang disiarkan, "Rangkaian Nasional ada menerbitkan sebuah rancangan pendek, Melayu Islam Beraja".

Analisis membuktikan konsep MIB ada disampaikan melalui siaran radio kepada masyarakat. Namun, perspektif masyarakat menyatakan penyampaian nilai-nilai MIB lebih banyak disampaikan berbanding pemakluman definisi konsep MIB dan definisi komponen-komponen didalamnya. Justeru, persoalan seterusnya yang dibangkitkan, apakah aspek dan isi kandungan nilai-nilai MIB yang disampaikan? Jadual 2 menunjukkan kandungan penyampaian konsep MIB dalam siaran radio Brunei pada masa ini.

Jadual 2: Penyampaian Konsep MIB dalam Siaran Radio di Brunei

Aspek	Penyampaian dalam Siaran Radio
Kemelayuan	<p>Siaran yang tidak menggunakan perkataan sensitif dan tidak pernah menyampaikan maklumat yang menyalahi Islam, Raja dan sebagainya.</p> <p>Siaran dalam bahasa Melayu kecuali stesen atau rangkaian yang menggunakan dwi bahasa.</p> <p>Rancangan berkaitan tujuh bahasa setiap hari Sabtu di Rangkaian Nasional Nilai-nilai murni dalam kehidupan seperti sopan santun, hormat-menghormat dalam keluarga dan masyarakat dan adab-adab semasa memandu dan atas jalan raya</p> <p>Penerapan unsur-unsur nasihat dalam siaran</p>
Keislaman	<p>Bacaan ayat-ayat suci al-Quran</p> <p>Pemberian salam di awal siaran atau rancangan</p> <p>Siaran azan lima waktu</p> <p>Sebelum azan maghrib disiarkan zikir-zikir, irama tausyeh dan irama dakwah</p> <p>Ceramah agama dalam bahasa Mandarin setiap hari Jumaat di Rangkaian Pilihan</p> <p>Siaran langsung Solat Jumaat</p> <p>Siaran langsung Solat Sunat Terawih setiap malam di bulan Ramadhan</p> <p>Bacaan surah Yaasin setiap malam Jumaat di Rangkaian Nasional dan Harmoni</p>
Beraja dan Kenegaraan	<p>Hebahan semangat kebangsaan, patriotisme, ketaatan kepada Raja apabila musim acara kenegaraan</p> <p>Pembentukan bangsa Brunei</p>
Peningkatan Pengetahuan	Isu kesihatan

Kekeluargaan	Perbincangan bersama panel-panel jemputan, menyampaikan nasihat seperti adab, menghormati ibu bapa, pemimpin dan sebagainya. Penyampaian nilai-nilai Melayu dan Islam dalam pembentukan keluarga Kisah-kisah benar yang mempunyai pengajaran disampaikan dalam bentuk drama.
--------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Berdasarkan perspektif masyarakat menerusi Jadual 2, penyampaian konsep MIB dalam siaran radio merangkumi aspek kemelayuan, keislaman, Beraja dan kenegaraan, aspek kekeluargaan dan aspek peningkatan pengetahuan masyarakat. Di dalam aspek kemelayuan, penggunaan bahasa Melayu sangat meluas digunakan dalam siaran radio, kecuali tiga buah stesen dan rangkaian radio yang menyiarkan dalam dwi-bahasa iaitu Rangkaian Pelangi, Rangkaian Pilihan dan Kristal FM.

Dalam pada itu, penggunaan bahasa Melayu Brunei turut digunakan misalnya, rancangan Ranjau Sepanjang Jalan yang disiarkan dalam Kristal FM seperti yang dinyatakan oleh Informan 2. Penggunaan bahasa Melayu Brunei menurut perspektif informan, mudah untuk difahami oleh pendengar selain dari mendaulatkan penggunaan bahasa Melayu seperti yang dituntut dalam konsep MIB.

Pada setiap hari Jumaat, sebuah rancangan bersama Cikgu Ali Yusri iaitu Ranjau Sepanjang Jalan memang mengenai Melayu Islam Beraja dari pengetahuan saya. Rancangan tersebut memberikan nasihat, mendidik masyarakat, misalnya mengenai ibadah haji, cara bertutur, tingkah laku, yang bagi saya memang menjurus kepada MIB, di samping penggunaan bahasa Melayu Brunei.

(Informan 2, 11 Mei 2019)

Selain penggunaan bahasa Melayu Brunei, menurut Informan 7 (04 Julai 2019), terdapat sebuah rancangan radio menerusi Rangkaian Nasional menyiarkan tujuh bahasa puak yang terkandung di dalam komponen Melayu, konsep MIB. Inisiatif ini menurut pengkaji merupakan satu langkah pendedahan kepada masyarakat mengenai bahasa-bahasa puak lain di negara ini selain bahasa Melayu. Namun, rancangan ini hanya disiarkan dalam Rangkaian Nasional sahaja. Berdasarkan analisis, Rangkaian Nasional hanya diikuti oleh informan berumur 50 tahun ke atas. Justeru, keberkesanannya rancangan ini berada di tahap yang minimum terutama dalam kalangan belia. Dicadangkan, rancangan seperti ini dapat disiarkan dengan pendekatan yang berbeza dalam rangkaian yang paling ramai diikuti oleh belia. Para belia di negara ini, wajar untuk didedahkan rancangan bahasa seperti ini, bagi memberikan mereka pengetahuan bahasa tujuh puak di negara ini. Malah, inisiatif ini juga sebagai usaha dalam menyatupadukan puak yang ada di negara ini melalui bahasa.

Selain itu, dalam aspek kemelayuan, penyampaian nilai-nilai murni turut disampaikan dalam bentuk pesanan khidmat awam (PKA). Antara nilai-nilai MIB yang disiarkan menurut informan ialah adab semasa memandu di atas jalan raya, bersopan santun, hormat menghormati dan sebagainya.

Nasihat seperti adab berpakaian, menghormati ibu bapa serta pemimpin dan sebagainya ada disampaikan.

(Informan 20, 12 Mei 2019)

Saya berpendapat, kebanyakan nilai yang disampaikan berkaitan cara pemanduan kereta, memberi jalan...misalnya bersopan santun ketika memandu.

(Informan 6, 11 Mei 2019)

Nilai MIB yang disampaikan seperti kepentingan ibu bapa menjaga anak, dan apabila ibu bapa meningkat usia, anak perlu menjaga dan mengingatkan ibu bapa dengan tidak meninggalkan mereka keseorangan atau menghantar ke rumah-rumah orang tua (kebajikan).

(Informan 9, 27 Jun 2019)

Aspek keislaman pula berdasarkan perspektif informan, sangat jelas disampaikan dalam siaran Radio. Siaran azan dalam setiap rangkaian dilaungkan bagi menandakan waktu menunaikan solat (sembahyang fardhu) manakala selepas laungan azan, siaran radio menyiaran slot-slot khas seperti tazkirah agama. Tambahan lagi, informan menjelaskan, setiap kali sebelum waktu solat (beberapa minit sebelum) atau sebelum dan selepas siaran azan, siaran radio bertukar menjadi "perlahan". Siaran radio lebih banyak menyiaran zikir-zikir, irama tausyeh dan dakwah sebelum dan selepas azan.

Saya perasan dan selalu mendengar pada waktu Asar, selepas Asar, pada waktu Zohor, Kristal FM sering menyiaran doa-doa, tazkirah pendek daripada para ustazah..

(Informan 13, 10 Mei 2019)

Sebelum dan selepas azan (Rangkaian Pilihan slot Mandarin) lagu-lagu yang disiarkan lebih sentimental bukan lagu-lagu rock, terdapat juga hebahan mengenai kepentingan beberapa aspek dalam Islam. Selepas azan pula terdapat hebahan pendek berunsur nasihat, sebelum lagu-lagu disiarkan semula.

Informan 9 (27 Jun 2019)

Dalam pada itu, terdapat dua rangkaian radio (Rangkaian Nasional dan Rangkaian Nur Islam) yang menyiaran siaran langsung solat Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddien Bandar Seri Begawan. Pada setiap hari Jumaat, siaran langsung solat Jumaat disiarkan secara langsung dalam semua rangkaian radio di negara ini. Menurut informan yang mengikuti Rangkaian Pilihan, walaupun khalayak sasaran rangkaian ini terdiri dari mereka yang bukan berbangsa Melayu dan beragama Islam, siaran radio pada hari Jumaat juga mempunyai "kelainan" berbanding siaran pada hari biasa. Misalnya, terdapat satu ruangan khas yang membicarakan hukum Islam dalam bahasa Mandarin disiarkan. Usaha ini menurut pengkaji merupakan satu inisiatif pihak radio dalam menyampaikan syiar Islam kepada mereka yang bukan berbangsa Melayu tetapi beragama Islam.

Pada hari Jumaat, (rangkaian Pilihan) pada jam 10 pagi, pendakwah berbangsa Cina dan beragama Islam ke udara, membicarakan mengenai Islam dalam bahasa Mandarin. Saya berpendapat ini merupakan pendekatan yang baik, kerana, ramai bangsa Cina sekarang yang menganut agama Islam. Oleh itu, rancangan seperti ini memberikan kefahaman yang lanjut mengenai Islam.

(Informan 6, 11 Mei 2019)

Selain itu, dalam mengembangkan dan mengukuhkan lagi kedudukan Islam di negara ini, pada bulan Ramadan, siaran langsung solat Isyak dan solat sunat Tarawih turut disiarkan dalam rangkaian radio kecuali Rangkaian Pelangi seperti yang dinyatakan oleh Informan 7. Aspek seperti ini membuktikan kedudukan Islam di negara ini sangat tinggi dan Islam menjadi asas dan teras dalam pembangunan negara. Malah, turut membuktikan, penyampaian komponen Islam dalam konsep MIB itu disiarkan sehingga disedari oleh masyarakat.

Siaran langsung solat sunat Tarawih disiarkan di semua rangkaian kecuali rangkaian Pelangi. Kristal FM turut sama menyiaran siaran langsung solat Jumaat dan solat sunat Tarawih.

(Informan 7, 4 Julai 2019)

Penyampaian aspek Beraja dan kenegaraan dalam siaran radio berdasarkan perspektif informan, secara jelas disiarkan pada musim acara kenegaraan sahaja. Misalnya, semasa perayaan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, iaitu sebelum 23 Februari, nilai-nilai patriotisme dan ketaatan kepada negara baru disiarkan. Seperti yang dinyatakan oleh Informan 4 (03 Julai 2019), “nilai-nilai patriotisme paling banyak disampaikan semasa majlis perayaan seperti Hari Kebangsaan, Hari Keputeraan, dan perayaan berbentuk keagamaan”. Menurut pengkaji, aspek ini seharusnya sentiasa dilaungkan dalam siaran radio pada setiap masa, bagi mengingatkan dan menyegarkan semangat cintakan raja dan tanah air dalam kalangan masyarakat. Semangat patriotisme seperti ini dapat mempertahankan negara tidak kira dari sudut pertahanan, anasir sosial atau ancaman dari negara-negara luar terhadap negara.

Bagi aspek peningkatan pengetahuan, salah seorang informan, iaitu Informan 3 (01 Julai 2019) menyatakan bahawa Radio Brunei turut menyiaran pelbagai rancangan bertemakan MIB dalam bentuk ceramah, drama semasa dan ehwal semasa. Namun, pengetahuan yang sering dihebahkan oleh siaran radio menurut informan ialah isu kesihatan selain dari pengetahuan agama Islam menerusi rancangan ceramah dan rancangan bual bicara. Manakala aspek kekeluargaan disampaikan dalam bentuk ceramah dan rancangan bual bicara berkaitan pembentukan keluarga. Dalam pada itu, kisah-kisah benar yang terjadi dalam masyarakat turut dilakonkan semula dan menghasilkan drama-drama radio bagi memberikan pengajaran kepada masyarakat.

Daripada perspektif masyarakat mengenai pemakluman konsep MIB dalam siaran radio di Brunei, dapatkan menunjukkan penyampaian konsep MIB wujud dalam siaran radio, sama ada rangkaian radio milik kerajaan maupun swasta. Penyampaian yang dilaksanakan menurut informan adalah dalam bentuk pemakluman nilai-nilai MIB dan penyerapan nilai MIB dalam isi kandungan siaran radio sahaja. Namun, analisis ini hanya berasaskan perspektif masyarakat, analisis mendalam dari sudut isi siaran radio diperlukan. Dari sudut yang lain, perspektif informan dapat membuktikan siaran radio berperanan dan digunakan sebaiknya oleh pihak kerajaan dalam mendidik masyarakat ke arah kebaikan dan meneruskan kehidupan yang berasaskan konsep MIB.

Konsep MIB dalam Siaran Radio Pada Masa Hadapan

Artikel ini turut membincangkan cadangan masyarakat mengenai penyampaian konsep MIB pada masa hadapan bagi panduan penerbit radio sama ada milik kerajaan atau swasta dan pengamal media lain. Bagi siaran radio, juruhebah memainkan peranan dalam menyampaikan intisari rancangan, pengendali segmen tertentu dan penyampaian maklumat hal ehwal semasa dalam negara mahupun luar negara. Menurut informan, juruhebah yang beragama Islam perlu memulakan siaran dengan salam tidak mengira konsep atau khalayak sasaran radio tersebut.

Penyampaian nilai MIB secara tidak langsung ialah pemberian salam oleh juruhebah yang beragama Islam bagi memulakan siaran.

(Informan 11, 9 Mei 2019)

Pemberian salam merupakan antara nilai-nilai MIB yang termasuk dalam aspek keislaman dan kemelayuan. Dalam salam itu terdapat doa terhadap orang yang ditujukan salam tersebut dan mendoakan orang lain merupakan tuntutan di dalam agama Islam. Manakala dari sudut nilai murni, menunjukkan kesopanan dan hormat-menghormati sesama umat Islam. Susulan daripada salam, juruhebah dapat menyusulkan dengan ucapan "selamat sejahtera" khusus bagi pendengar yang bukan beragama Islam. Ini juga melambangkan nilai hormat-menghormati antara satu agama dengan agama lain, selain melambangkan keharmonian hidup berbilang bangsa, puak dan agama di negara ini.

Selain salam, informan turut mencadangkan juruhebah agar berkongsi pengisian yang baik, misalnya hadis-hadis sahih berkaitan rezeki, kesihatan dan sebagainya pada awal siaran. Hal ini sebagai nasihat dan motivasi kepada khalayak pendengar pada hari tersebut mahupun membetulkan niat dalam melakukan segala aktiviti atau pekerjaan. Menurut pengkaji, cadangan ini perlu disesuaikan dengan konteks siaran radio tersebut misalnya dari sudut waktu (masa), selepas siaran azan atau pada ketika juruhebah membincangkan mengenai isu-isu semasa yang dapat dikaitkan dengan hadis-hadis sahih.

Bagi juruhebah yang beragama Islam, sebagai penyampaian MIB, dapat berkongsi mesej keislaman seperti hadis-hadis yang baik, misalnya berkaitan dengan rezeki dan kesihatan. Sepanjang bersiaran, juruhebah perlu berkongsi sesuatu dan sebelum mengakhiri siaran berkongsi mesej yang baik sebagai satu peringatan dan kesedaran mengenai kehidupan.

(Informan 11, 9 Mei 2019)

Seterusnya, informan turut mencadangkan, penyampaian konsep MIB lebih berkesan disiarkan dalam bentuk iklan, hebahan, pesanan khidmat awam atau promo radio, seperti yang dinyatakan oleh Informan 20 (12 Mei 2019), "pemakluman konsep MIB dalam siaran radio dan televisyen, lebih baik disampaikan dalam bentuk iklan dan perbincangan". Pandangan turut disokong oleh Informan 15 (17 Mei 2019), "saya berpendapat, penyampaian mungkin dapat dilakukan menerusi iklan atau kapsul pendek kerana jika penyampaian tersebut dalam durasi yang panjang khalayak tidak akan mendengar". Hebahan dalam bentuk yang dinyatakan (iklan atau kapsul pendek) mengambil masa kurang satu minit, dapat menarik perhatian pendengar jika dibandingkan dengan drama radio yang bersifat

berat untuk pendengar ikuti. Malah, sebilangan informan menyatakan, mereka mudah bosan apabila mendengar drama radio dan terdapat informan yang tidak mengikuti drama radio sehingga tamat.

Selain itu, informan mencadangkan isi kandungan promo atau kapsul pendek memberikan informasi mengenai barang-barang kelengkapan perhiasan diraja berserta kegunaannya semasa majlis beradat istiadat seperti Kasur Namat atau Perisai Diraja kepada masyarakat menerusi siaran radio.

Contoh iklan yang menjurus kepada MIB ialah pemakluman definisi perkataan daripada bahasa Melayu Brunei dan perkongsian barang-barang adat istiadat diraja. Iklan ini dapat diterbitkan dalam bentuk yang santai. Kebiasaannya, saya hanya mendengar iklan-iklan promosi jualan murah, oleh itu kenapa tidak diubah kepada iklan yang menjurus kepada MIB.

(Informan 17, 3 Julai 2019)

Informan turut mencadangkan, setiap rangkaian radio perlu mempunyai satu segmen khusus mengenai MIB. Misalnya, penerbit dapat menjemput tokoh-tokoh MIB bagi membincangkan topik secara santai dan interaktif bersama khalayak pendengar dengan perisian yang berbeza setiap hari.

Dicadangkan satu program khusus mengenai MIB diterbitkan sebagai pendedahan kepada masyarakat, seperti sebuah segmen yang menerangkan berkaitan MIB, cara berpakaian, bahasa dalam (bahasa istana) dalam komponen Melayu, pendedahan bahasa puak di Brunei, seperti makna bahasa Kedayan dan penggunaan Bahasa Melayu.

(Informan 12, 25 Mei 2019)

Dicadangkan untuk menerbitkan satu sesi sekali dalam seminggu, misalnya forum mengenai MIB yang memberikan penjelasan jika masyarakat mempunyai kemosykilan, misalnya mengenai adab. Format terbitan tersebut perlu berbeza pada setiap minggu, misalnya, minggu ini dalam bentuk ceramah dan minggu hadapan dalam bentuk forum.

(Informan 2, 11 Mei 2019)

Dalam pada itu, penerbitan segmen MIB secara khusus perlu sesuai dengan khalayak sasaran setiap rangkaian radio. Misalnya, segmen MIB yang disiarkan dalam Rangkaian Harmoni harus berbeza dengan pendekatan yang dilakukan oleh Rangkaian Pelangi mahupun Rangkaian Pilihan yang mungkin dapat disampaikan dalam bahasa Inggeris atau Mandarin. Ini kerana, konsep MIB adalah falsafah negara yang perlu diamalkan oleh segenap lapisan masyarakat pelbagai bangsa dan agama. Namun, falsafah ini tidak membawa maksud, amalan agama Islam perlu diikuti oleh mereka yang bukan beragama Islam, tetapi dapat mengamalkan nilai-nilai keislaman dan kemelayuan yang bersifat universal seperti amalan menghormati ibu bapa, jiran tetangga dan sesama individu.

Bagi informan dewasa, penyiaran nilai MIB dapat diselitkan dalam rancangan hiburan seperti ruangan bermukun. Walaupun bermukun berkonsepkan hiburan, nilai MIB masih dapat diselitkan. Misalnya, tema bermukun pada setiap minggu perlu berunsur nasihat

dan nilai MIB seperti taat setia kepada Sultan dan pengamalan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Walaupun bermukun ini lebih menyasarkan golongan dewasa, nasihat-nasihat di dalam bait-bait pantun tersebut jika didengar oleh khalayak dewasa, dapat disampaikan kepada anak cucu mereka.

Jika kami (merujuk kepada golongan dewasa), bermukun ialah satu hiburan. Dalam bermukun, bait-bait pantun yang dilakukan diselitkan unsur MIB seperti pujian terhadap Sultan dan unsur-unsur nasihat.

(Informan 21, 6 Julai 2019)

KESIMPULAN

Perspektif masyarakat menunjukkan penyampaian konsep MIB dalam siaran radio di Brunei semakin berkembang. Penyiaran nilai-nilai MIB diserapkan menerusi rancangan-rancangan radio berbanding pemakluman definisi konsep MIB yang hanya disampaikan secara minimum dan tidak banyak disedari oleh informan. Penyampaian nilai MIB dalam siaran radio meliputi aspek kemelayuan, aspek keislaman, aspek Beraja dan kenegaraan, aspek kekeluargaan dan aspek peningkatan pengetahuan masyarakat. Namun, pemakluman definisi konsep MIB dan komponen-komponen didalamnya turut diperlukan. Pemahaman definisi ini bertujuan bagi meyakinkan dan memudahkan masyarakat untuk mengingati serta mengamalkan konsep MIB sebagai asas dalam kehidupan. Justeru, sebagai cadangan, penyiaran definisi konsep MIB turut sama dititikberatkan oleh siaran-siaran radio di samping cadangan isi kandungan yang dicadangkan oleh informan.

Penyampaian konsep MIB dalam siaran radio turut menjelaskan siaran radio digunakan oleh pihak kerajaan dengan sebaiknya dalam membantu negara menyampaikan konsep MIB kepada masyarakat. Masyarakat tidak menyatakan siaran radio di negara ini seratus peratus MIB tetapi berada di landasan MIB dan tidak terkeluar dari batas-batas nilai MIB. Walaupun negara semakin membangun dan teknologi berada di hujung jari manusia, siaran radio di Brunei masih lagi berada dalam lingkungan konsep MIB menurut informan.

Hal ini bagi memastikan kelestarian pengamalan konsep MIB dalam kehidupan dan kelangsungan konsep MIB sebagai falsafah negara. Seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 7 Februari 2018, “MIB adalah pakaian Brunei” (Muhammad Hadi, 2020: 52). Ini membawa maksud, konsep MIB tidak boleh dipertikaikan lagi kerana Brunei telah mengenakan ‘pakaian’ ini sejak enam ratus tahun dahulu. Justeru, tidak menjadi persoalan apabila radio di negara ini turut mengamalkan dan menghebahkan konsep MIB kepada masyarakat Brunei. Malah, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam lagi, “sesiapa yang mempertikaikan konsep MIB, mereka itu bukan purih Brunei dan tidak berjiwa Brunei” (Muhammad Hadi, 2020: 52).

RUJUKAN

Abu Bakar Apong, Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Dr. (1998). Sumbangan dan peranan institusi pengajian tinggi dalam mewujudkan manusia calak Brunei. Dlm. Anon. *Melayu Brunei abad ke-21*, (hlm. 186-198). Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

- Ahmad Effendi. (2017). *Falsafah MIB hubungannya dengan modeniti*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Anon. (2021). Program ilm series da'wah semasa pandemik. *Laman Web Rasmi Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam*. <http://www.kheu.gov.bn/Lists/Berita> [07 Oktober 2021].
- Asbol Mail. (2013). Dasar-dasar pendidikan negara Brunei Darussalam 1950-2010: Kemunculan dan hubungannya dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB). *Jurnal Kajian Sejarah dan Pendidikan Sejarah* 1(2), 151-166.
- Asbol Mail, Ampuan Brahim Ampuan Tengah, Nani Suryani Abu Bakar, Aisyah Az Zahra Ahmad Kumph & Tassim Abu Bakar. 2019. *The Malay Islamic Monarchy in Negara Brunei Darussalam prior to 1906: A historical study*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Azizah Hamzah. (2010). Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Massa* 6(1), 1-10.
- Badaruddin Othman, Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz. (1996). MIB: Masa kini dan masa depan. *Janang* 6: 15-21.
- Badaruddin Othman, (2015, Disember). Dakwah melalui radio dan televisyen. *Al Huda*, 7-11.
- Che Mahzan Ahmad. (2008). Mass media in Brunei Darussalam. Dlm. Mohd Yusof Hussain (pnyt.). *Mass media in selected Muslim countries*, (hlm. 77-99). Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Duraman Tuah. (2001). *Membangun negara berdasarkan falsafah Melayu Islam Beraja Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Institut Perkhidmatan Awam.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2018). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Gregory Kiyai. (2019). Ritual adat kematian dalam masyarakat Iban di Sarawak: Artifak Iringan Tukang Sabak. *Jurnal Borneo Arkhaialogia* 4(1): 99-116.
- Jabatan Perdana Menteri. (2018). Bahagian Perkhidmatan Awam, Kesejahteraan, Antarabangsa dan Media. Diakses pada 5 Oktober 2021 dari <http://www.jpm.gov.bn/SitePages/divisions>.
- Jabatan Perdana Menteri (2000). Akta Penyiaran Negara Brunei Darussalam. Bandar Seri Begawan: Jabatan Perdana Menteri.
- Jabatan Penerangan, (2014). Titah Sempena menyambut perayaan ulang tahun hari kebangsaan negara Brunei Darussalam yang ke-30. Diakses pada 04 Oktober 2021, dari <http://www.information.gov.bn/Lists/TITAH>.
- Johari Achee. (2000). *Berita televisyen dan pembangunan negara: Kajian kes Radio Televisyen Brunei*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012, Mac 28-29). *Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif*. (Kertas Kerja) Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1. Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Johor, .
- Kristal FM. (t.th). About Kristal FM. Diakses pada [04 Oktober 2021] dari <https://www.kristal.fm/about>.
- M.Puvenesvary, Radziah Abdul Rahim, R.Sivabala Naidu, Mastura Badzis, Noor Fadhilah Mat Nayan & Noor Hashima Abd Aziz. (2008). *Qualitative research: data collection & data analysis Techniques*. Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.

- Mahat Jamal. (2015). Radio Malaysia Sabah dan Radio Brunei Darussalam: Satu tinjauan format penerbitan dan siaran. *Jurnal Komunikasi Borneo*. (Edisi Khas Konvokesyen ke-17 Universiti Malaysia Sabah), 101-115.
- Mahayudin Yahaya. (2014). *MIB misi global ke arah negara zikir berdasarkan teori Umran*. Bandar Seri Begawan: Pusat Pengajian Lepas Ijazah dan Penyelidikan UNISSA.
- Mohd Afandi Md Ismail & Mohd Sabree Nasri. (2019). Gejala LGBT di Malaysia: Isu dan cadangan penyelesaian. *Journal of Law and Governance*, 2(1), 51-65..
- Mohd Arippin Hidup. (2013). Pelestarian Melayu Islam Beraja: Ke arah memperteguhkan kemantapan rakyat, agama dan beraja. *Berita* 110: 16-35.
- Mohd Jamil Al-Sufri. 2014. *Pelaksanaan Dasar Negara Melayu Islam Beraja*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Mohd Shukri Hanapi. (2014, Ogos 23-27). *Konseptualisasi negara zikir di negara Brunei Darussalam* (Kertas Kerja). 23rd International Conference of the Association of Historians of Asia 2014. Universiti Utara Malaysia dan Persatuan Sejarah Malaysia. Alor Setar Kedah, .
- Mohd Zain Serudin, (2013). *Anugerah Kefahaman Melayu Islam Beraja*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Mohammad Rainie Durani. (2017, Oktober 5). Hubungan antarabangsa kukuh. *Kompilasi Rencana Khas 50 Tahun KDYMM Menaiki Takhta*, 77.
- Muhammad Hadi Muhammad Melayong. (2010). Hassanal Bolkiah: Khalifah Melayu berdaulat dan merakyat. Dlm. Jabatan Perdana Menteri. *Melayu Islam Beraja Jiwa Raga Brunei*, (hlm. 259-268). Bandar Seri Begawan: Jabatan Perdana Menteri.
- Muhammad Hadi Muhammad Melayong. (2020). *Malay Islamic Monarchy: The journey*. Bandar Seri Begawan: Persatuan Sejarah Brunei.
- Nur Nasliza Anna Mohamad Nasir & Jamilah Haji Ahmad. (2015). Facebook dan media massa: Keberkesanan dalam menyampaikan mesej alam sekitar kepada masyarakat. *Academica* 85(1): 33-46.
- Pengiran Anak Amiruddin Alam Shah, Mahayudin Yahaya, Ahmad Baha Mokhtar, Rasinah Ahim, Rafidah Abdullah & Rafizah Abdullah. (2015). *Ensiklopedia Negara Zikir*. Jil.1. Gadong: UNISSA Press.
- Pengiran Hidop Pengiran Samsuddin. (2013). Adat Istiadat Kebruneian selaras dengan zaman. Dlm. Pusat Penataran Ilmu dan Pengajian Bahasa. *Kompilasi kertas kerja Melayu Islam Beraja*,(hlm. 31-40). Gadong: UNISSA.
- Pengiran Mohammad Pengiran Abdul Rahman. (2013). Kata sambutan. Dlm. Abdul Aziz Juned. *Qanun jenayah syariah Satu pengenalan*, (hlm. xvii-xix). Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan.
- Pengiran Siti Norainna Pengiran Haji Besar. 2016. Student's Perceptions of Social Media Within The MIB Module. *ASEAN Journal of Open Distance Learning* 8(2): 1-11. <https://www.researchgate.net/publication/327530763> [5 Oktober 2021].
- Punch, KF. (1998). *Introduction to social research quantitative & qualitative approaches*. London: Sage Publications.
- Pusat Da'wah Islamiah. (2009). *Kedewasaan bernegara dengan zikir*. Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah.
- Radio Televisyen Brunei. (2017). Jubli Intan 60 Tahun Radio Brunei. Bandar Seri Begawan.:Bandar Seri Begawan: Radio Televisyen Brunei.

- Roller, MR. (2020). Strengths and limitations of the in-depth interview method: An overview. Dlm. *The in-depth interview method*, (hlm. 3-4). Diakses pada 4 Oktober 2021, dari <http://rollerresearch.com> [.]
- Salwana Dahlan. (2014). Amalan sistem media di negara Brunei Darussalam: Ke arah negara zikir. Tesis Sarjana Fal, Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Seksyen Penyelidikan dan Perkembangan. (2017). *Kajian audiens RTB 2016*. Bandar Seri Begawan: Radio Televisyen Brunei.
- Siti Norkhalbi Wahsalfelah. (2016). Peranan golongan intelektual Brunei dalam konsep Melayu Islam Beraja. *Brunei Merdeka*, 183-198. Diakses pada 1 Oktober 2021 dari <https://fass.ubd.edu.bn/staff/docs>.
- Siti Ummi Kalthum Othman. 2016. Understanding professional routines and identities: print media in Brunei. Dlm. Drummond, P (pnyt.). *The London Film, Media Reader 4*, (hlm. 106-112). London: The London Symposium and Academic Conferences London Ltd.
- Siti Uzairiah Mohd Tobi. (2013). *Research methodological cage: Understanding the Qualitative Viewpoint*. Kuala Lumpur: Aras Publisher.
- Siti Uzairiah Mohd Tobi. (2017). *Kajian kualitatif dan analisis temu bual*. Kuala Lumpur: Aras Publisher.
- Siti Zuraiyah Sulaiman. (2017, Mei 2). Perkhidmatan radio masih relevan. *Pelita Brunei*. Diakses pada 5 Oktober 2021, dari <http://pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita>.
- Siti Zuraiyah Sulaiman. (2017, Oktober 5). Pendidikan agama teras kehidupan. *Kompilasi Rencana Khas 50 Tahun KDYMM Menaiki Takhta*, 83.
- Syed Arabi Idid. (1993). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tassim Abu Bakar. (2009). Peranan MIB di Negara Brunei Darussalam dalam menghadapi cabaran di alaf baru. *Janang*, hlm. 41-50. Gadong: Akademi Pengajian Brunei Universiti Brunei Darussalam.
- Tassim Abu Bakar. (2015). *Projeksi Melayu Islam Beraja dalam media massa*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Warta Kerajaan (2013). Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah Negara Brunei Darussalam. Bandar Seri Begawan: Attorney General Chambers
- Yussof Ismail. (2013). Pendidikan Melayu Islam Beraja: Ke arah melahirkan belia Brunei cemerlang. Dlm. Pusat Penataran Ilmu dan Pengajian Bahasa. *Kompilasi Kertas Kerja Melayu Islam Beraja*, (hlm. 21-30). Gadong: UNISSA.